

MAHATHIR- PENGURUS

1984

KUALA LUMPUR, 6 APRIL (BERNAMA) - - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEKALI LAGI MENEGUR SIKAP PENGURUS-PENGURUS TERUTAMA DI KALANGAN BUMIPUTERA YANG MENJADIKAN MEREKA +BAHAN JUAL-BELIA+DENGAN BERTUKAR KERJA DARI SATI INSTITUSI PERNIAGAAN KE SATU PERNIAGAAN SEMATA-MATA KERANA MENGEJARGAJI YANG LEBIH.

+ORANG SEPerti INI SAMPAI BILA-BILAPUN TIDAK AKAN MEMPUNYAI KESETIAAN KEPADA ORGANISASI, DI KEPALA MEREKA CUMA.. TERDAPAT PERKIRAAN GAJI, PERKS (KEISTIMEWAAN) DAN LAIN-LAIN,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN IBU PEJABAT PERNAS DI SINI HARI INI.

BELIAU MENINGATKAN PENGURUS SEPerti ITU BAHAWA SIKAP MEREKA AKAN MENJEJASKAN PENCAPAIAN BUMIPUTERA KESELURUHANNYA DAN MERUGIKAN BUMIPUTERA PADA AKHIRNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP BADAN-BADAN PERNIAGAAN AKAN SEDAR BAHAWA PENGURUS-PENGURUS SEPerti ITU TIDAK AKAN MENJADI ASET KEPADA MEREKA.

+DARI SEGI JANGKA PANJANG, PENGURUS-PENGURUS BUMIPUTERA YANG BERSIKAP SEPerti INI TIDAK DAPAT MENGUMPUL PENGALAMAN YANG CUKUP DALAM SATU-SATU SEKTOR ATAU JENIS PERNIAGAAN ATAU PERINDUSTRIAN.+
- - LAGI 1318/SL

MAHATHIR-PENGURUS

2

KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MERAYU KEPADA PENGURUS BUMIPUTERA SUPAYA LEBIH MEMENTINGKAN KEUNTUNGAN JANGKA PANJANG, IAITU, MENGUMPUL SEBERAPA BANYAK PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN DALAM SATU-SATU BIDANG PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN.

MEREKA PERLU MENGENALPASTI JENIS PERNIAGAAN YANG BETUL-BETUL SECOCOK DENGAN PENGALAMAN DAN KEPAKARAN MEREKA DAN MELABUR TENAGA, FIKIRAN DAN MODAL DI DALAMNYA.

+KEPADA EKSEKUTIF YANG KHUATIR MEREKA TERLEPAS PELUANG, INGIN SAYA TEGASKAN BAHAWA BAGI YANG BERPENDALAMAN DAN CEKAP, PELUANG ADABILA-BILA MASA SAHAJA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PADA WAKTU INI JUGA TERDAPAT BERIBU-RIBU PELUANG PERNIAGAAN DAN BERIBU-RIBU LAGI AKAN MENJELMA YEPANJANG MASA.

+OLEHITU JANGANCAH KHUATIR. BILA SAUJAJA ANDA SUDAH CUKUP BERSEDI, ANDA BOLEH REBUT SALAH SATU DARIPADA BERIBU-RIBU PELUANG YANG TERBUKA KEPADA ANDA,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA 1322/SL